

UTAMA

# 12 penuntut UMT pukul pelajar hingga cedera direman

Oleh Wartawan MalaysiaGazette - 18 December 2024



*Sebahagian daripada 12 penuntut UMT disyaki memukul seorang pelajar lelaki Ahad lalu direman hari ini.*

KUALA TERENGGANU – Polis menahan 12 pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bagi membantu siasatan kes serangan bergilir-gilir ke atas seorang pelajar lelaki hingga menyebabkan dia cedera.

Pemangku Ketua Polis Kuala Terengganu Supt Wan Mohd Zaki Wan Ismail berkata, penahanan pelajar lelaki berusia 20 hingga 22 tahun itu dibuat selepas pihaknya menerima laporan daripada seorang lelaki yang mendakwa anaknya berusia 20 tahun dipukul di asrama universiti, antara 1 pagi hingga 5 pagi, Ahad lalu.

“Mangsa melaporkan serangan itu kepada bapanya melalui panggilan telefon pada 10.50 malam Ahad, manakala pengadu berada di rumah di Melaka.

"Mangsa turut menghantar beberapa gambar menunjukkan kecederaan di pelbagai bahagian badan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Bapa mangsa yang tiba di Kuala Terengganu pada 16 Disember (Isnin) segera membawa anaknya ke Hospital Sultanah Nur Zahirah untuk mendapatkan rawatan kecemasan.

Mangsa kemudian dimasukkan ke wad untuk rawatan lanjut.

Wan Mohd Zaki menambah, pegawai perubatan yang merawat mengesahkan mangsa mengalami lebam dan kecederaan dalaman akibat objek tumpul di tangan kiri dan kanan, pinggang kanan, dada, perut dan kaki kanan.

"Susulan daripada maklumat tersebut, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kuala Terengganu telah membuat tangkapan 12 pelajar lelaki terbabit.

"Senjata yang digunakan turut dirampas di kolej kediaman," tambahnya.

Katanya, kesemua suspek direman empat hari bermula hari ini hingga Sabtu bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 148 Kanun Keseksaan iaitu memiliki senjata-senjata maut dalam rusuhan yang membawa hukuman lima tahun penjara atau didenda atau kedua-duanya sekali. – MalaysiaGazette